

11 SEP 1997

UM-Etika

PENSYARAH UM PERLU PATUHI KOD ETIKA AKADEMIK

PETALING JAYA, 11 Sept (Bernama) -- Semua pensyarah di Universiti Malaya (UM) wajib mematuhi kod etika akademik yang akan berkuatkuasa Disember ini bagi mewujudkan budaya ilmu dan profesion akademik yang lebih cemerlang.

Naib Canselor Universiti Malaya Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad berkata kod etika itu memberi garis panduan kepada tenaga pengajar supaya menjalankan hal-hal akademik dengan etika yang baik.

Antara perkara yang digariskan dalam kod etika itu ialah pensyarah perlu beretika daripada segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, katanya.

"Kita mahu pensyarah bertanggungjawab dalam hal pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan ketika menghadiri seminar atau persidangan," katanya pada persidangan berita selepas jamuan tengah hari anjuran UM di sini hari ini.

Antara kerja yang dianggap melanggar etika akademik ialah kegiatan plagiat dan meniplak kertas-kertas kerja yang didapati semasa menghadiri seminar sama ada di dalam atau di luar negara," katanya.

Abdullah berkata kod etika seperti itu belum pernah diadakan oleh mana-mana universiti.

Ketika ditanya, apa yang mendorong beliau, timbalannya dan dekan-dekan universiti untuk mewujudkan buku kod etika itu yang dihasilkan selepas lapan bulan disusun, beliau berkata: "kita mahu pensyarah mengetahui obligasi profesion mereka."

Katanya, pada hari pelancaran buku kod etika yang dijangka dibuat oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak itu, sebuah lagi buku bertajuk "Budaya Kerja" akan turut dilancarkan.

Buku itu akan menjadi panduan kepada kakitangan akademik dan sokongan supaya berdedikasi dan bekerja dengan cemerlang terutama bagi mencapai misi korporat dan objektifnya.

Menurut beliau, buku itu menggariskan enam nilai-nilai positif yang perlu dipraktikkan iaitu berniat ikhlas, sikap positif, profesionalisme, sikap rajin dan berinovasi, kejujuran dan azam meningkatkan mutu kerja.

Pada persidangan berita itu, Abdullah turut mengumumkan rancangan masa depan UM seperti pembinaan bangunan Fakulti Undang-undang dan Akademi Pengajian Islam yang dijangka siap akhir tahun ini di samping kolej kediaman yang mampu menampung 800 pelajar.

Turut diumumkan ialah program pengkomputeran kampus bernilai RM24.3 juta yang sedang dilaksanakan dalam tiga peringkat.

Abdullah berkata Pertemuan Alumni UM akan diadakan pada Jumaat ini di kampus induknya di sini bagi mempertemukan semua alumni UM dan mengimbas kembali pengalaman mereka semasa di universiti itu sejak ditubuhkan di Singapura pada 1949.

Pertemuan tiga hari itu yang bertemakan "Selangkah Sederap, Merenung dan Mencapai Wawasan" akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau akan memberi ceramah bertajuk "Malaysia Dalam Milenium Akan Datang: Cabaran Bagi Generasi Baru".

Selain sebagai jambatan untuk merapatkan hubungan antara alumni, pertemuan itu juga diharap dapat mengumpul dana untuk memberi pinjaman kepada pelajar UM yang tidak mampu selain digunakan untuk menjalankan kajian serta mewujudkan Yayasan Pendidikan Tinggi UM, katanya.

Pada masa ini, terdapat hanya 400 orang alumni yang berdaftar dalam

persatuan itu walaupun UM mempunyai 65,000 alumni yang ada.

Beliau berkata UM amat berbangga dengan alumninya kerana ramai di antara mereka menjadi individu yang berjaya dan disegani seperti Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sementara itu, nama 11 panel penasihat Pusat Dialog Peradaban UM akan diumumkan Isnin depan. Panel yang dipilih itu terdiri daripada pelbagai latar belakang, budaya dan peradaban bagi menentukan peranan dan aktiviti pusat itu.

Menurut Timbalan Naib Canselor UM Prof Datuk Dr Osman Bakar, pusat itu yang ditubuhkan pada 1 Mac lalu diharap mampu menjadi pusat peradaban yang boleh membawa perubahan kepada peradaban manusia masa kini.--BERNAMA

APG NAK